

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 MARCH 2017

Perang Nazri - Dr. Mahathir

UM-26/3/2017

PERANG mulut antara menteri kanan, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz dan Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad dijadual akan mencapai kemuncaknya pada 7 April ini. Setelah batal diadakan di kawasan Parlimen Nazri di Padang Rengas kerana tidak mendapat kelulusan polis, acara politik itu bakal diadakan di Shah Alam pada 7 April ini.

Mengikuti penganjurnya acara ini adalah dialog bukan debat. Ini mungkin berdasarkan reaksi Nazri yang menyatakan beliau akan menjawab apa juga persoalan dibangkitkan Dr. Mahathir. Begitupun pembangkang dan media mereka begitu tekun mempromosi majlis ini sebagai debat antara kerajaan dan pembangkang.

Nazri menjanjikan Dr. Mahathir akan dilayan dengan penuh adab. Beliau yang dikenal dengan imej vokal begitu memahami kedudukan Dr. Mahathir sebagai bekas ketuanya yang juga bekas Perdana Menteri yang pernah mendapat sokongannya.

Dr. Mahathir yang mendapat

WARUNG RAKYAT

OLEH
ZULKEFLI HAMZAH
warungrakyat.mingguan@gmail.com



semangat baharu kerana mampu 'menguasai' Pakatan Harapan diketuai Lim Kit Siang terlihat begitu mengharap majlis ini. Entah apa motifnya. Yang pasti beliau dan penyokongnya mengharap bakal muncul sebagai hero kerana debat dan dialog seperti ini sangat disukai oleh pembangkang.

Maka berpadan dan sesuai lah dengan langkah strategiknya sekarang - untuk memikat parti-parti pembangkang. Rakan sepermainan terkini beliau, Kit Siang sendiri pernah menyatakan hasrat untuk hadir pada majlis debat itu.

Entah apa pula dalam fikiran Kit Siang, diktator politik 51 tahun apabila mengapi-apikan debat ini.

Beliau sebelum ini turut mencabar kerajaan menyiarkan secara langsung acara ini. Katanya supaya rakyat tahu perkara sebenar.

Perkara sebenar? Perkara sebenar ialah Dr. Mahathir tidak pernah berdebat secara terbuka dengan pembangkang semasa 22 tahun berkuasa. Alasannya debat bukan budaya Malaysia dan hanya membazir waktu.

Aneh bukan kerana Dr. Mahathir yang dikenal sebagai seorang orator atau peminato hebat tidak pernah berdebat semasa zaman kekuasaannya. Benar, tentu sekali alasannya bukan kerana beliau takut atau pengecut. Jauh sekali.

Semasa zamannya, termasuk kepada wartawan asing beliau dikenal sebagai penjawab soalan

yang bijak dan licik. Beliau berada di tahap tersendiri. Sukar untuk mematahkan hujah-hujahnya.

Jika sekadar mahu berhadapan dengan Kit Siang mahupun Datuk Seri Anwar Ibrahim umpamanya tentu hanya di hujung jari beliau sahaja. Tetapi mengapakah tidak pernah ada debat dengan dua individu yang pernah menjadi musuh utamanya ini?

Menghumban

Lebih buruk, Dr. Mahathir bahkan menghumban pengkritiknya ke penjara melalui penahanan tanpa bicara. Ini yang tidak lekang dimomokkan oleh Kit Siang dan rakan-rakannya dahulu.

Tidakkah ada rasa malu, kini Kit Siang terlebih sudu daripada kuah pula mempromosi debat antara Dr. Mahathir dan Nazri ini? Kalau bukan hipokrasi apakah namanya ini? Begitu sekali Kit Siang dan rakan-rakannya sanggup bersandiwara.

Jika debat itu simbol demokrasi

dan politik baharu, parti-parti penjunjung pasti akan berlumba-lumba menjayakannya. Jika debat boleh menjadi penyelesaian masalah atau pentas menghakimi siapa benar dan siapa salah tentu sekali Kerajaan DAP Pulau Pinang dan Kerajaan PKR Selangor akan begitu gencar menganjurkannya.

Yang nyata DAP mahupun PKR yang mengaku menjunjung politik baharu yang serba telus menikus dalam hal berdebat ini. Penguasa Lim Guan Eng mahupun Datuk Seri Mohamed Azmin Ali selalu sahaja beralasan apabila dicabar berdebat.

Betullah alasan melayan cabaran pembangkang untuk berdebat hanya membuang masa sahaja. Lebih elok masa dan tenaga digunakan untuk hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan kerajaan dan rakyat.

Debat dan dialog yang diselubungi perasaan dendam, benci dan saling menjatuhkan tidak akan membawa kepada sebarang kebaikan. Debat dan dialog yang dikaburi dengan kepentingan politik sempit hanya

akan menjerumuskan masyarakat ke kancang perpecahan. Masyarakat kita sudah teruk berpecah tetapi ironinya pemimpin dan sebahagian kita seolah-olah meraikan perpecahan itu.

Kecualilah jika majlis debat ini diakhiri dengan dua individu pendebat berpeluk kalau tidakpun berjabat tangan tanda terlerai segala kekusutan. Tanda perbezaan pendapat sudah selesai secara damai.

Alangkah moleknnya jika itu yang akan berlaku. Alangkah idealnya jika debat atau dialog itu kelak benar-benar digunakan untuk mencari titik perdamaian bukan melebarkan persengketaan.

Kita sudah tahu kesudahan majlis ini. Pembangkang dan pasukan tegar mediana akan terus fokus memperlekeh dan memalukan Nazri bahkan kerajaan yang diwakilinya. Yang baik akan terus disorok di celah-celah kelemahan kerajaan.

Perseteruan akan berterusan. Dan, realitinya kita sendiri yang menciptanya.